

**Pemimpin pembangkang didesak minta maaf
Utusan Online
16 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 15 Mac - Pemimpin tertinggi pembangkang didesak memohon maaf kepada rakyat Malaysia seperti yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengaku kelemahan dan kesilapan Barisan Nasional (BN) sehingga menyebabkan kekalahan di beberapa negeri.

Datuk Seri **Zahrain Mohamaed Hashim (Bebas-Bayan Baru)** berkata, Penasihat DAP, Lim Kit Siang, perlu meminta maaf kepada rakyat Malaysia kerana beliau merupakan salah seorang yang mencetus kepada tragedi berdarah 13 Mei.

"Beliau yang ketika itu berada dalam DAP Youth merupakan salah seorang yang mencetus kepada titik hitam dalam sejarah negara, namun sehingga hari ini, kita tidak pernah mendengar Kit Siang memohon maaf kepada rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Zahrain berkata, Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim pula perlu meminta maaf kerana isu video seksnya yang mengaibkan rakyat Malaysia.

"Video ini bukan sahaja telah dipaparkan di Malaysia, tetapi seluruh dunia dan laporan polis telah dibuat.

"Justeru, beliau mesti memohon maaf, namun sehingga kini beliau tidak pernah pun menyatakan kekesalan berhubung isu itu," katanya.

Beliau berkata, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pula perlu meminta maaf kerana kenyataannya pada sekitar tahun 80-an yang mengkafirkan umat Islam yang tidak menjadi ahli Pas.

"Jika dahulu Pas memperjuangkan akidah Islam, tetapi kita lihat sekarang pembawaan Pas bukan lagi menjurus kepada isu Islam, tetapi isu kebajikan.

"Ini bermakna Pas sudah lari daripada perjuangan akidah dan Abdul Hadi perlu meminta maaf kepada seluruh umat Islam di negara ini," katanya.

Dalam pada itu beliau meminta ahli Parlimen BN supaya tidak mengikut rentak PKR dalam mempolitikkan penyenaiaan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) di Bursa Malaysia.

Tegas Zahrain, tindakan pembangkang itu hanya mahu mensabotaj ekonomi orang Melayu dan bumiputera serta menggagalkan penyenaiaan tersebut.

"Ingin saya tegaskan bahawa keputusan kerajaan menyenaiaan FGVH adalah untuk meletakkan ia sebagai syarikat perladangan keempat terbesar di dunia sekali gus memberi imbuhan yang besar kepada para peneroka," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0316&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm